

10/04/2004

12,483 graduan UiTM terima diploma, ijazah

Norzilawati Abdul Halim

SERAMAI 12,483 graduan akan menerima diploma dan ijazah masing-masing pada Majlis Konvokesyen ke-59 Universiti Teknologi Mara (UiTM) yang berlangsung selama sembilan hari di Dewan Seri Budiman universiti itu, mulai 15 April ini.

Timbalan Naib Canselor (Akademik) universiti itu, Prof Datuk Dr Ahmad Zainuddin, berkata daripada jumlah itu, dua graduan menerima ijazah doktor falsafah (PhD), 422 sarjana, 3,364 ijazah pertama, 576 ijazah sarjana muda am, lima program profesional luar, 38 diploma lepasan ijazah dan 8,076 lagi diploma.

Katanya, jumlah graduan mendapat ijazah sarjana muda kelas pertama kali ini meningkat kepada 105 berbanding 72 sebelumnya, manakala 76 lagi terpilih menerima Anugerah Naib Canselor.

Sempena konvokesyen kali ini juga, beliau berkata, UiTM menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Sains Politik dan Kerajaan kepada bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

"Anugerah itu akan disampaikan Canselor UiTM, Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Tuanku Syed Putra Jamalullail pada Istiadat Konvokesyen Kememorial ke-6, 15 April ini.

"Penganugerahan ini bagi mengiktiraf kepimpinan Dr Mahathir sama ada pada peringkat negara mahupun antarabangsa, khususnya mengenai dasar meningkatkan pembangunan pendidikan negara.

"Antara jasa besar beliau ialah mengisytiharkan kenaikan taraf Institut Teknologi Mara kepada UiTM pada 1999, selain pelaksanaan dasar menggalakkan kerjasama antara universiti dan industri yang kini menjadi amalan universiti ini," katanya pada sidang akhbar mengenai konvokesyen universiti itu di Shah Alam, semalam.

Dr Ahmad berkata, penganugerahan diploma dan ijazah itu dilaksanakan dalam sembilan sidang berdasarkan tiga gugusan, iaitu Sains dan Teknologi membabitkan 2,880 graduan, Sains Sosial (3,403) dan Sains Pengurusan (6,200).

Mengikut pecahan, katanya, seramai 66 graduan menerima sarjana, ijazah sarjana muda (652) dan diploma (2,162); Sains Sosial, dua graduan PhD, sarjana (47), diploma lepasan ijazah (38), ijazah sarjana muda (1,370) dan diploma (1,946), manakala Sains Pengurusan, sarjana (309), program profesional luar (lima), ijazah sarjana muda (1,918) dan diploma (3,968).

Pecahan graduan menerima ijazah kelas pertama pula, iaitu 27 dari gugusan Sains dan Teknologi, diikuti Sains Pengurusan (52) dan Sains Sosial (26).

"Jumlah graduan menerima Anugerah Naib Canselor ialah 16 bagi Sains dan Teknologi, diikuti 51 Sains Pengurusan dan sembilan Sains Sosial," katanya.